

KUDA DALAM MASYARAKAT DI TANAH MELAYU PADA ERA SEBELUM MERDEKA¹

(The Horse in the Society of the Malay States before Independence)

Azharudin Mohamed Dali
azharud@um.edu.my

Jabatan Sejarah,
Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur.

Abstrak

Makalah ini bertujuan menganalisis perkaitan antara kuda dengan masyarakat di Tanah Melayu sebelum kemerdekaan. Perbincangan melihat kepada empat persoalan, iaitu mengenal pasti asal usul kuda dan menentukan sama ada kuda merupakan haiwan yang berasal dari Tanah Melayu. Seterusnya meneliti peranan dan kedudukan kuda dalam masyarakat sebelum kedatangan kuasa Barat, dan menentukan perubahan yang berlaku dalam masyarakat selepas kedatangan kuasa Barat. Dalam usaha menjawab persoalan ini, penulisan ini memberikan perhatian kepada pelbagai aspek budaya dan sejarah yang menonjolkan perkaitan antara kuda dalam masyarakat, seperti permainan Kuda Kepang dan pantun Melayu. Dari sudut sejarah pula, kuda didapati memainkan peranan yang signifikan ketika zaman Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15 Masihi. Pada zaman kolonial, kepentingan kuda berterusan dan menjadi satu daripada kaedah sistem pengangkutan oleh pegawai kolonial sebelum adanya sistem pengangkutan moden. Ketika itu juga perlumbaan kuda diperkenalkan, dan menjadi sukan yang menarik perhatian masyarakat. Pada awal pengenalannya, sukan ini menjadi tempat pertemuan sosial pegawai British, kalangan bangsawan Melayu dan peniaga Cina. Pada era seterusnya, perlumbaan kuda menjadi sukan yang turut diminati oleh semua golongan.

Kata Kunci: kuda, Tanah Melayu, zaman Kolonial, haiwan elit

Abstract

The purpose of this article is to analyze the connection between horses and the society in the pre- independence Malaya. The discussion will look at four main

questions. The first question is to identify the origin of horses and whether horses are the native animals in the Malay Peninsular. Secondly, to analyze the role and position of horses in the Malay society before the coming of the Europeans. The final question is to examine the extent of changes in the role of horses in the society after the coming of the Europeans. In order to answer these questions, the article will look at the various cultural and historical aspects displaying the connection between the horses and the society. For example, the horse elements in the traditional Malay dance of 'Kuda Kepang'. Apart from that, horse also appear in a number of Malay pantun. According to historical writings, the role of horse became important in the Malay society since the era of the Malacca Sultanate in the 15th century. Since then, until the colonial period, the importance of horses was increasing. Horses became major mode of transport for colonial officials before the introduction of modern transports. For In the colonial era, horse racing was introduced as one of the interesting sports. In the beginning of its introduction, this sport was exclusively a social gathering for Europeans officials, Malay elites and Chinese businessmen. In the later years, horse racing has practically become one of ordinary sports activities for all. By using primary and secondary sources, the aim of this article is to chew over this subject.

Keywords: horse, Malaya, colonial period, horse racing, elite animal

PENGENALAN

Secara umum, tulisan ini memberikan perhatian kepada hubungan antara haiwan dengan masyarakat dalam sejarah di negara ini. Secara khusus, tulisan ini melihat hubungan antara kuda dalam masyarakat pada dua era, iaitu pada zaman prakolonial dan zaman kolonial di Tanah Melayu. Usaha ini dilihat sebagai satu langkah untuk menonjolkan bahawa kajian sejarah itu boleh dipelbagaikan dan bukan sekadar penelitian terhadap satu atau dua perkara sahaja atau mengkhusus dalam hal politik, tokoh mahupun peristiwa tertentu semata-mata. Sebaliknya kajian sejarah dapat meliputi pelbagai perkara. Dalam hal ini, kajian ini membuktikan bahawa topik yang berkaitan dengan haiwan mampu menjadi bahan kajian sejarah yang menarik. Perkara ini telah dibuktikan oleh beberapa pengkaji seperti Peter Boomgaard yang menghasilkan *Frontier of Fear: Tigers and People in the Malay World 1600-1950* dan Greg Bankoff dan Sandra Swart yang menghasilkan *Breeds of Empire: The 'Invention' of Horse in Southeast Asia and Southern Africa, 1500-1950*. W.G. Clarence-Smith pula menghasilkan beberapa tulisan yang sangat menarik mengenai gajah dan kuda termasuklah, "Elephants, Horses and the Coming of Islam to Northern Sumatra", "Horse Breeding in Mainland Southeast Asia and Its Borderlands" dan

“Horse Trading: The Economic Role of Arabs in the Lesser Sunda Island, c. 1800 to c. 1940”. Walau bagaimanapun, tulisan ini tidak pula menyentuh mengenai Tanah Melayu kecuali kajian yang dilakukan oleh Marzila Binti Muhamad Zakariya yang memberikan perhatian kepada aktiviti lumba kuda di Tanah Melayu antara 1840-an hingga 1940-an.² Secara keseluruhannya, penelitian terhadap aspek ini masih lagi kecil sifatnya, dan diharapkan penelitian ini akan sedikit sebanyak mengisi kekosongan tersebut.

Sejarah telah menunjukkan hubungan yang erat antara kuda dengan manusia terutama dalam aspek peperangan. Sejarah kegunaan kuda dalam peperangan telah dikesan sekurang-kurangnya sejak 5000 tahun lalu. Dalam peperangan zaman kuno, kuda didapati memainkan peranan yang penting sebagaimana yang digambarkan oleh ilustrasi masyarakat Sumeria pada 2500 SM. Selain digunakan untuk menarik barangan keperluan pihak tentera seperti khemah dan peralatan lain, kuda juga dijadikan asas dalam membentuk pasukan peperangan seperti pasukan kavalri. Penggunaan kuda membolehkan pasukan tentera bergerak pantas dari satu kawasan ke kawasan yang lain. Orang Mongol misalnya dianggap sebagai pasukan tentera yang pantas bergerak dengan mengeksploitasi kepantasan kuda hingga membolehkan mereka menguasai satu-satu wilayah dengan cepat. Tentera Islam juga menggunakan kuda dalam pasukan tentera mereka. Malah dalam hal ini, kuda yang dikenali sebagai *faras* dalam bahasa Arab merupakan antara haiwan yang menerima penghormatan yang tinggi. Dalam al-Quran, perkataan mengenai kuda disebutkan sebanyak lima kali. Nabi Muhammad SAW juga memiliki kuda. Kudanya yang pertama bernama *As-Sakaf*. Kuda ini ditunggangi Baginda dalam Peperangan Uhud. Kuda lain yang dimiliki oleh Baginda bernama *Sabaha*, *‘Al-Zarab*, *‘Al-Lizaz*, *Al-Sanjah* dan *‘Al-Murtajis*.³

KUDA DALAM BUDAYA MASYARAKAT PRA-KOLONIAL

Sehingga ke hari ini, masih tidak jelas tentang asal usul kuda di Tanah Melayu. Terdapat pandangan yang mengatakan bahawa kuda bukanlah haiwan asal di Tanah Melayu sebaliknya dibawa dari luar. Penggunaan kuda di Tanah Melayu telah dikesan sejak zaman kesultanan Melayu Melaka lagi. Walau bagaimanapun, dalam konteks Alam Melayu, kuda dikatakan telah digunakan di Pulau Jawa sejak abad ke-7 Masihi yang dibawa dari China, Burma dan India.⁴ Selain itu, kuda juga terdapat di Sumatera dan dari sinilah kuda dikatakan dibawa ke Tanah Melayu.⁵

Dari sudut budaya, kuda mempunyai kaitan rapat dengan kesenian sebagaimana yang ditunjukkan dengan tarian kuda kepang yang merupakan antara jenis tarian yang ditarikan oleh orang Jawa. Dalam dunia persilatan pula, istilah kuda-kuda

menunjukkan satu tindakan memperkuat diri agar tidak mudah jatuh dari serangan musuh. Dalam bidang seni bina pula, kuda-kuda atau kekuda menjadi bahagian penting yang akan memperkukuh sesebuah rumah. Permainan atau persembahan kuda kepang pula dikenali dalam masyarakat Jawa sebagai *Jaran Kepang*, *Kuda Lumping*, *Jathilan* atau *Ebeg*. Persembahan ini menggunakan anyaman mahupun reka bentuk kuda yang diperbuat daripada kulit lembu, buluh dan sebagainya. Bentuk kuda ini turut dihiasi dengan hiasan yang menarik serta berwarna-warni. Permainan atau persembahan ini memperlihatkan secara jelas adanya pengaruh kuda dalam persembahan tersebut sama ada dalam bentuk gerak tarinya mahupun perkakasan yang digunakan dalam tarian itu seperti anyaman kuda kepang. Kedua, wujud elemen mistik yang sinonim dengan masyarakat Alam Melayu dalam persembahan kuda kepang. Elemen ini masih sukar dibuang kerana sebahagiannya telah sebatu dalam budaya masyarakat. Dalam menjelaskan mengenai permainan kuda kepang ini, Mohamed Ghouse Nasuruddin mengatakan,

The ultimate goal in a kuda kepang dance is to achieve a state of ecstasy, symbolically described as a joyous ride into the spiritual world when man and horse unite with the spirits of heaven. In animistic terms, the dancer is possessed by the horse spirit which helps him achieve a level of ecstasy not encountered in practical life...⁶

Selain permainan kuda kepang, kuda juga didapati menjadi subjek dalam pantun Melayu. Hal ini pastinya membawa makna yang cukup besar kesan daripada kenyataan bahawa pantun Melayu telah diterima sebagai kearifan tempatan dan menggambarkan pandangan hidup orang Melayu. Pantun merupakan satu daripada cara yang digunakan oleh orang Melayu untuk melihat dunia di sekeliling mereka. Seorang sarjana berbangsa Perancis sewaktu menjelaskan kedudukan pantun mengatakan,

This brief poem [pantun] is an epitome of life and a universe in a grain of sand. It carries within itself all the elements of the Malay man's life; his land, his house, his garden, his paddy field, the river, the sea or the forest, the trees, fruits, animals, birds, fishes...it expresses his customs and traditions, wisdom, beliefs and feelings of all sorts, his love of man, woman and God.⁷

Dalam keadaan ini, hubungan pantun dengan haiwan sangat ketara. Pelbagai jenis haiwan yang terdapat di Alam Melayu seringkali menjadi sebahagian daripada pembayang dalam pantun. Keadaan ini menunjukkan kaitan yang rapat antara orang Melayu dengan haiwan tersebut. Hal ini sangat ketara dalam pantun berikut:

Dua tiga kucing berlari,
 Mana nak sama si kucing belang;
Dua tiga boleh ku cari,
 Mana nak sama adik seorang.

Sebagaimana haiwan seperti kucing, gajah, harimau dan sebagainya, kuda turut menjadi subjek yang digunakan dalam pantun. Keadaan ini menjelaskan bahawa orang Melayu sememangnya mempunyai hubungan erat dengan alam mereka. Antara pantun Melayu yang menonjolkan subjek kuda termasuklah,

Selasih tumbuh di tepi telaga,
 Selasih dimakan si anak kuda;
Kasih ibu membawa ke syurga,
 Kasih saudara masa berada.

Orang Daik memacu kuda,
 Kuda dipacu deras sekali;
Buat baik berpada-pada,
 Buat jahat jangan sekali.

Apa malangnya membeli kuda,
 Walaupun baik susah dikekang;
Ada malangnya berbini janda,
 Walaupun cantik sisalah orang.

Sebagaimana yang ditunjukkan dalam pantun tersebut, jelas menunjukkan penggunaan kuda untuk menguatkan kedudukan sesebuah pantun. Pantun pertama dan kedua merupakan pantun nasihat yang banyak digunakan bagi memastikan perjalanan seorang itu meniti pada landasan yang betul berdasarkan peraturan adat dan agama. Pantun ketiga pula merupakan pantun usik-mengusik yang digunakan dalam masyarakat yang menyentuh mengenai kehidupan sebagai janda. Hal ini merupakan realiti yang wujud dalam lingkungan masyarakat Melayu itu.

Dalam masa yang sama, pelbagai peristiwa dalam *Sejarah Melayu* memperlihatkan bukan sahaja kewujudan kuda, tetapi juga kepentingan kuda dalam tradisi Melayu. Antaranya termasuklah kisah Raja Suran masuk ke dalam laut dengan menggunakan peti kaca hingga sampai ke sebuah negara bernama Dika. Raja Suran berada di dalam negara Dika selama tiga tahun sebelum naik semula ke alam dunia dengan menunggang sebuah kuda semberani jantan bernama *Farasu' I-Bahr*.⁸ Kisah ini memaparkan mitos mengenai ketinggian kedudukan Raja Suran yang berupaya

memasuki dunia lain tanpa menghadapi sebarang masalah dan kembali semula dengan menaiki kuda semberani yang gagah perkasa.

Kisah kuda semberani yang dikatakan mampu terbang ini bukan sesuatu yang asing dalam pemikiran masyarakat Alam Melayu. Kisah sebegini boleh diperoleh bertaburan di seluruh pelusuk Alam Melayu. Hal ini telah disebutkan dalam melihat asal usul permainan kuda kepong. Selain itu, kisah Jokotole, iaitu tokoh pahlawan dalam masyarakat Sumenep, Madura turut mempunyai kaitan dengan kuda semberani. Beliau bertanggungjawab mengalahkan armada Cina yang dipimpin Dempo Abang (Sampo Tua Lang) yang menjarah Tanah Jawa. Perjuangan Jokotole menentang Dempo Abang di lautan luas menggunakan kuda terbang hingga beliau mampu memusnahkan kapal Dempo Abang. Beliau kemudiannya menjadi pemimpin Sumenep dengan gelaran Pangeran Setjoadingrat.⁹

Sejarah Melayu turut memaparkan kewujudan dan kepentingan kuda dalam Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka. Salah satu peristiwa yang menunjukkan kewujudan kuda di Melaka ialah peristiwa kuda milik sultan jatuh ke dalam perlimbahan. Dalam peristiwa ini, ketika orang lain hanya melihat sahaja kuda tersebut terjatuh ke dalam perlimbahan, Hang Tuah telah terjun ke dalam perlimbahan tersebut dan menarik kuda tersebut naik, dibersihkan dan dikembalikan kepada Sultan Mansur Syah hingga menyebabkan rasa sayang Sultan kepada Hang Tuah semakin bertambah.¹⁰ *Sejarah Melayu* turut mencatatkan kebolehan Sriwak Raja dalam ilmu haiwan termasuklah gajah dan kuda. Kebolehan ini ditunjukkan melalui peristiwa seorang Pathan yang dihantar oleh Sultan Mahmud Shah kepada Sriwak Raja kerana kebolehannya menunggang kuda.

Bagi menguji kebolehan Pathan ini, Sriwak Raja telah meminta Pathan tersebut menunggang kuda miliknya, namun apabila ditunggang kuda tersebut enggan bergerak. Sriwak Raja kemudiannya telah meminta agar anaknya, Omar untuk menaiki kuda tersebut dan membuatkan kuda tersebut menari. Hal ini telah menghairankan Pathan tersebut dan mengakui kebolehan Sriwak Raja dalam ilmu kuda.¹¹ Adik Sultan Mahmud, bernama Raja Zainal Abidin memiliki seekor kuda bernama Ambangan.¹² Dalam *Hikayat Hang Tuah* pula ada disebutkan kebolehan Hang Tuah menguasai kuda serta mengubati kuda yang mempunyai penyakit. Kebolehan dan pengetahuan Hang Tuah ini ditunjukkan kepada Betara Majapahit ketika ditunjukkan kuda yang dibawa oleh utusan dari India. Sebaik sahaja ditunjukkan kuda tersebut Hang Tuah mengatakan,

Daulat Tuanku, patik mohonkan ampun dan kurnia, bukan kuda ini penyakit dan bukan apa celanya. Jikalau kuda ini penyakit, dapatlah patik ubati. Adapun kuda ini sekaliannya baik, tetapi perangnya juga jahat sedikit. Jikalau dibawa berperang

hampir sungai, tiada boleh berasa lelah, juda ini hendak berkubang; tiada boleh melihat air. Adapun kuda ini, sungguhpun tezi, kerana kuda ini takkala jadi maka ibunya mati, maka ia menyusu pada kerbau; maka inilah sebabnya maka kuda ini menurut afal kerbau. Apabila ia berasa lelah, jikalau ia melihat air, hendak berkubang juga ia.¹³

Sebaik sahaja mengetahui “penyakit” kuda tersebut, Hang Tuah telah diperintahkan untuk mengubatnya dan dalam tempoh tujuh hari, kuda tersebut berjaya dipulihkan. Kuda tersebut tidak lagi berperangai seperti kerbau yang suka berkubang di dalam air.¹⁴ Antara catatan awal mengenai kuda dalam sejarah kesultanan Melayu ialah catatan Ibn Batutah yang singgah ke Sumatera dalam perjalanannya ke China. Sewaktu di Sumatera, beliau telah dipertontonkan dengan persembahan “kuda menari”. Beliau mengatakan,

*Male musicians came in and sang before him [king], after which they led in horses with silk caparisons, golden anklets, and halters of embroidered silk. These horses danced before him, a thing which astonished me, though I had seen the same performance at the court of the king of India.*¹⁵

Kisah “kuda menari” sebagaimana yang disebutkan oleh Ibn Batutah ini bukanlah sesuatu yang asing dalam tradisi di India. Kuda menari merupakan satu bentuk tradisi menunggang kuda yang diwarisi sejak sekian lama. Penggunaan kuda yang meluas membolehkan wujud pakar melatih kuda. Selain “menari” kuda ini juga dilatih oleh pihak tentera dan digunakan sebagai elemen penting dalam peperangan. Tentera berkuda menjadi tradisi peperangan yang sangat signifikan dalam sejarah India. Kuda ini dilatih untuk mengikut arahan. Hal ini disaksikan sendiri oleh Munsyi Abdullah sewaktu British berusaha untuk mendapatkan Pulau Jawa dari pihak Belanda. Ketika ini, tentera India yang berkhidmat dengan British telah datang ke Melaka, dalam perjalanan ke Jawa. Antaranya termasuklah tentera berkuda. Munsyi Abdullah berkesempatan menyaksikan latihan tentera berkuda ini dan mengatakan hal berikut;

Mereka [tentera] semuanya berkuda, iaitu kuda Arab yang tinggi dan berbulu cantik...Dua tali kulit yang berkunci melekat pada pelana kuda mereka. Apabila mereka naik ke atas kuda, kedua tali kulit itu mengunci pinggang mereka supaya tidak jatuh sebab mereka tidak memegang tali tom kuda itu. Mereka sangat cekap memacu kuda, seperti terbang gayanya. Jangankan jatuh, bergerak pun tidak, sambil mereka menembak, mengisi senapang dan menetakkan pedang. Ketua mereka melatih bukan dengan kata-kata, tetapi dengan trompet di tangannya. Apa yang diarahkan, ditiup trompet. Semua kuda itu berlari serentak, seperti kilat pantasnyanya.

Apabila ditiup trompet, semuanya berhenti, sama serentak kakinya. Kemudian ditiup lagi, kuda-kuda itu berpecah menjadi empat persegi, seperti kota. Apabila ditiup lagi, semua supai itu menembak senapang mereka serentak satu bunyi...¹⁶

Catatan Munsyi Abdullah menunjukkan bahawa tradisi tentera berkuda yang dibawa oleh tentera sepoi ini sememangnya menjadi antara asas kekuatan tentera British. Tradisi sebegini tidak ada dalam kalangan orang Melayu. Bagi orang Melayu, kuda merupakan haiwan asing dan tidak terserap secara mendalam dalam budaya Melayu itu hingga tidak wujud pasukan tentera berkuda dalam kalangan orang Melayu. Kuda yang ada lebih kepada pemilikan individu terutama kalangan elit Melayu.

Antara negeri yang dikatakan mempunyai tradisi kuda yang agak kuat ialah Kelantan. Walau bagaimanapun, tiada rekod yang jelas mengenai hal ini. Cerita lisan menyatakan bahawa orang Kelantan sejak sekian lama memang gemar memelihara kuda padi yang dibawa masuk dari Jawa, Sumatera atau Siam. Dipercayai bahawa sebahagian kuda ini dibawa oleh pedagang yang datang ke Kelantan. Minat memelihara kuda ini ditunjukkan oleh Raja Jembal yang dikatakan memelihara kuda yang bersaiz besar. Hampir setiap petang, Raja Jembal akan menunggang kuda di sekitar Kg. Sering, Pengkalan Datu dan Kedai Lalat. Malah Raja Jembal turut dikatakan pernah terseliuh bahunya kerana jatuh dari kuda. Meskipun tidak ada catatan sejarah yang jelas mengenai hal ini, namun kisah lisan ini sedikit sebanyak memberikan gambaran dan maklumat yang penting mengenai tradisi berkuda di Kelantan.¹⁷

KUDA PADA ZAMAN KOLONIAL ABAD KE-19 DAN 20

Kuda terus menjadi penting dalam pelbagai aspek pada abad ke-19 dan 20. Jika dalam era tradisional, kuda merupakan haiwan elit yang hanya dimiliki oleh kalangan bangsawan, dalam zaman kolonial ini juga, kuda terus menjadi haiwan yang istimewa. Kuda terus menjadi tunggangan golongan atasan, malah dijadikan hadiah berharga. Misalnya Stanford Raffles telah menghadihkan kereta kuda kepada Sultan Husin untuk kegunaan baginda. Kereta kuda tersebut ditempah khas di India dengan harga 1200 rupee.¹⁸ J.H.M. Hobson turut menjadikan kuda sebagai hadiah kepada Loke Yew, salah seorang tauke Cina yang terkemuka di Kuala Lumpur, namun tidak menyedari bahawa kuda yang itu mempunyai “baran” yang sukar dikawal hingga pada suatu hari telah mematahkan lampu jalan.¹⁹

Pandangan yang mengatakan bahawa kuda bukanlah haiwan asal yang terdapat di Tanah Melayu, sebaliknya haiwan ini di bawa ke Tanah Melayu dari luar telah

dinyatakan oleh Isabella Bird. Beliau mengatakan bahawa kuda padi di bawa masuk ke Tanah Melayu dari Sumatera, dan ada juga kuda yang dibawa dari Australia.

*Ponnies are imported from Sumatra, and a few horses from Australia, but the latter do not thrive. The domestic cat always looks as if half his tail had been taken off in a trap.*²⁰

Hal yang sama disebutkan oleh John Turnbull Thomson yang turut mengatakan bahawa baka kuda padi yang terdapat di Negeri-negeri Selat (NNS) amnya dan Melaka khususnya di bawa dari Sumatera terutamanya dari Aceh. Thomson turut mengatakan bahawa kuda padi dari Sumatera dihargai sebagai item yang sangat bernilai di NNS, terutamanya di Melaka.²¹ Selain kuda padi dari Sumatera, terdapat juga kuda padi yang dibawa dari India dan dikenali sebagai Delhi Ponies.²²

Kuda juga dilihat sebagai sebahagian daripada item perdagangan pada zaman kolonial. Laporan serta dokumen yang diteliti menunjukkan kewujudan perdagangan kuda atau kuda padi yang dibawa dari luar. Pada tahun 1869, perdagangan kuda atau kuda padi di Pulau Pinang berjumlah \$8,579.²³ Kebanyakan kuda yang dibawa masuk ini digunakan untuk tujuan lumba kuda. Selain itu, kuda atau kuda padi juga digunakan untuk tujuan pengangkutan.

Kereta kuda menjadi sistem pengangkutan yang sangat penting di Tanah Melayu terutama di kawasan bandar pada penghujung abad ke-19 hingga awal abad ke-20. Banyak tulisan dalam *Selangor Journal* menjelaskan mengenai kewujudan dan kepentingan sistem pengangkutan ini di Kuala Lumpur. Kereta kuda ini digunakan oleh penghuni Kuala Lumpur untuk bergerak dari satu lokasi ke satu lokasi yang lain, seperti teksi pada hari ini. Pemandu kereta kuda ini pula terdiri daripada pelbagai golongan. Ketika ada yang berpandangan bahawa, “*The Chinese driver is the worst offender, the gharries driven by Malays are always the cleaner and usually drawn by an animal not quite so bad*”.²⁴

Kepentingan kuda dalam sistem pentadbiran British turut dipaparkan daripada elaun khas yang diberikan oleh kerajaan kepada pegawainya yang memiliki kuda terutama untuk urusan pentadbiran. Kerajaan negeri Selangor telah memberikan elaun khas sebanyak \$20 sebulan kepada pegawainya bagi memastikan kuda tersebut memperoleh penjagaan sempurna.²⁵

Meskipun demikian, isu mengenai kesukaran untuk mendapatkan kereta kuda oleh pengguna pernah menjadi isu penting sekitar tahun 1894 sebagaimana yang dilaporkan oleh *Selangor Journal*. Antaranya,

*“I found it extremely difficult to get one at all [gharry ponies], and when I did, the inconvenience and delay caused by the diminutive size and miserable condition of the wretched animals was almost exasperating”.*²⁶

Dalam keadaan ini, dua isu kelihatan menjadi sangat penting. Pertama, kesukaran untuk mendapatkan kereta kuda. Dalam menjawab hal ini, seorang pengguna mengatakan bahawa kebanyakan pemandu kereta kuda enggan mengambil orang putih sebagai pelanggan mereka kerana kebiasaannya mereka tidak membayar tambang yang dikenakan atau membayar dengan jumlah yang tidak mencukupi.

*“...that no Chinese, and very few Malay or Tamil drivers, will, if they can avoid it, hire to Europeans, because they seldom get their proper fare, and often have to go without payment altogether”.*²⁷

Isu kedua pula mengenai keadaan kuda yang adakalanya tidak dijaga dengan baik. Dalam hal ini, peraturan menetapkan bahawa mereka yang melakukan kesalahan termasuk tidak menjaga kesihatan dan keadaan kuda mereka akan dikenakan denda. Kuda akan diperiksa oleh doktor haiwan yang dilantik bagi memastikan kesihatan kuda tersebut dalam keadaan baik. Selain itu, bagi mereka yang melakukan kesalahan, lesen mereka akan ditarik balik.²⁸

Salah satu aspek penting yang menonjolkan kedudukan dan kepentingan kuda dalam masyarakat di Tanah Melayu ketika era kolonial ini ialah adanya aktiviti lumba kuda. Lumba kuda merupakan aktiviti yang jelas menjadi minat penduduk Tanah Melayu yang terdiri daripada pelbagai kaum dan etnik. Perkembangan aktiviti lumba kuda berlaku sejak kedatangan pihak British ke Tanah Melayu. Meskipun aktiviti lumba kuda diminati oleh semua golongan, namun pemilik kuda lumba biasanya terdiri dalam kalangan orang Eropah, tauke Cina, bangsawan dan keluarga diraja. Budaya lumba kuda yang diminati oleh orang Eropah disifatkan sebagai sukan kalangan bangsawan atau *sport of kings*.²⁹ Dalam masa yang sama, masyarakat Boyan atau Bawean turut dikaitkan dengan aktiviti lumba kuda ini. Dalam satu sumber mengatakan,

Aktiviti lumba kuda amat digemari. Masyarakat ini dikenali sebagai ‘masyarakat bawean’ yang berasal dari pulau Bawaen yang terletak di antara Pulau Borneo dan Pulau Jawa.³⁰

Pada asalnya, aktiviti lumba kuda hanya merupakan satu aktiviti untuk mengisi masa lapang orang Eropah di Tanah Melayu. Aktiviti ini kemudiannya diperkenalkan kepada kalangan bangsawan dan keluarga diraja yang secara langsung menarik minat mereka. Akhirnya, mereka turut menggemari aktiviti ini dan turut terbabit dalam aktiviti lumba kuda.³¹ Lumba kuda pertama di Tanah Melayu diadakan pada bulan Februari 1843 di Singapura, iaitu dengan tertubuhnya Singapore Turf Club pada

tahun 1842.³² Perlumbaan kuda ini menawarkan wang hadiah sebanyak \$150 dan dianjurkan oleh Kelab Sukan Singapura. Dalam perlumbaan ini, kuda yang dimiliki oleh W.H. Read telah memenangi perlumbaan.³³ Perlumbaan ini diikuti dan diadakan di bandar lain kemudiannya.

Gelanggang lumba kuda telah dibina di bandar utama, seperti Pulau Pinang, Ipoh, Kuala Lumpur, Melaka dan Singapura. Di Pulau Pinang, penubuhan Penang Turf Club pada 1864 telah mengembangkan aktiviti lumba kuda. Kelab ini diasaskan oleh David Brown yang merupakan pemilik syarikat Brown & Co. yang merupakan antara firma Eropah tertua di Pulau Pinang.³⁴ Sementara Kelab Lumba Kuda Selangor di Jalan Ampang ditubuhkan pada 1896 di bawah naungan Residen British, Frank Swettenham bagi memenuhi masa lapang dan hobi golongan berada terutamanya orang Inggeris dan Eropah yang berada di Tanah Melayu ketika itu.³⁵ Perak Turf Club pula ditubuhkan pada 1886 oleh Lt. Kol. R.S.F. Walker berpusat di Taiping yang ketika itu menjadi pusat pentadbiran negeri Perak. Kemudiannya, ketika Ipoh mula menjadi penting, aktiviti lumba kuda dijalankan di Ipoh sejak 1913.

Kewujudan kelab lumba kuda ini telah secara langsung mempunyai perkaitan dengan aktiviti pertaruhan dan perjudian. Ketika kawalan mengenai perjudian disifatkan agak longgar, aktiviti ini turut dilakukan oleh orang Islam sebagaimana yang digambarkan oleh filem *Ibu Mertuaku* arahan P. Ramlee. Pertaruhan yang dilakukan terhadap kuda-kuda yang menyertai perlumbaan dianggap sebagai sebahagian daripada keseronokan aktiviti lumba kuda. Malah pertaruhan dalam lumba kuda mendapat sokongan daripada pihak bank. Setiap kali perlumbaan dijalankan bank akan ditutup, dan pegawai bank akan dihantar ke tempat perlumbaan untuk mengendalikan pertaruhan yang dilakukan. Perlumbaan ini juga membawa kepada perjudian loteri. Mesyuarat loteri sering kali diadakan pada pukul sembilan malam dan berakhir hingga pukul satu pagi.³⁶ Meskipun begitu, bantahan terhadap aktiviti pertaruhan dan perjudian lumba kuda turut kedengaran. Misalnya Pesuruhjaya Polis telah menghantar surat kepada kelab lumba kuda di seluruh negara agar menyemak semula peraturan yang telah ditetapkan yang membawa kepada perjudian awam dalam perlumbaan. Meskipun demikian, surat ini tidak memberi kesan besar kerana aktiviti tersebut masih berterusan.³⁷

Malah pengaruh lumba kuda ini ditunjukkan melalui kewujudan “kalender kuda” yang sangat popular dalam masyarakat di negara ini. Yang berikut dipetik satu ulasan daripada blog mengenai keunikan kalender kuda ini.

Dalam banyak2 kalender, samada kalender sangkut kat [di] dinding, meja mahupun kalender elektronik, masih tak mampu menandingi kehebatan “kalender kuda. Ianya sangat berguna kerana lengkap dengan zodiac Cina, haribulan Islam, cuti perayaan



Rajah 1 Kalendar Lumba Kuda.

dan cuti sekolah. Tarikh lumba kuda (race day) juga tak ketinggalan, dari situlah kalender jenis ini mendapat namanya.³⁸

Hari perlumbaan merupakan hari yang meriah seolah-olah satu temasya berlangsung. Peminat lumba kuda akan datang berduyun-duyun mengunjungi padang lumba kuda dengan menggayakan fesyen terkini masing-masing. Suasana dalam padang lumba kuda dijelaskan oleh *Selangor Journal*:

*The Grand Stand is reached in the first instance by a staircase at the back, whence there is a broad flight of steps leading to the lawn; beneath the Grand Stand is a long and commodious refreshment bar...Directly in front of the stand is the Judge's Box, to the left is a Steward's Stand, the space underneath being utilised as a band-stand; to the right is a Native Stand, and further along to the right the stables and paddock.*³⁹

Padang lumba kuda yang pertama didirikan di Riffle Road sekitar 1890-an. Ketika ini, tanah padang lumba kuda ini dimiliki oleh kerajaan yang mempunyai

dasar tidak membenarkan joki profesional terlibat dalam aktiviti perlumbaan yang dianjurkan. Keadaan ini telah menimbulkan masalah kerana ketiadaan joki profesional menjejaskan perlumbaan kuda terutama yang dikendalikan oleh pihak tertentu. Kesan daripada dasar ini menyebabkan syarikat persendirian bertindak membuka padang lumba kuda yang baharu di Jalan Ampang pada 1898. Pembukaan padang lumba ini menjejaskan padang lumba kuda yang ada di Riffle Road.⁴⁰

Kewujudan joki profesional sebenarnya telah menyemarakkan aktiviti lumba kuda di Tanah Melayu. Mereka bertanggungjawab mengendalikan kuda sewaktu berlumba dan pada asasnya merupakan pekerjaan yang berprestij dalam ukuran hidup ketika itu. Oleh yang demikian, tidak hairan sekiranya pekerjaan ini menjadi pilihan termasuklah mereka yang menjawat jawatan dalam kerajaan. Salah seorang joki profesional yang pernah mewarnai dunia lumba kuda di Tanah Melayu ialah Walter Raymond yang berasal dari Australia. Beliau datang ke Tanah Melayu sebagai juruukur. Oleh sebab minatnya yang mendalam terhadap lumba kuda dan joki, akhirnya beliau memilih menjadi joki dan terbabit dalam perlumbaan di Tanah Melayu, sebelum kemudiannya bersara dan kembali ke Australia.⁴¹ Dalam era selepas perang, setiap joki perlu memiliki sijil kecekapan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa yang mengendalikan perlumbaan kuda di Tanah Melayu. Berdasarkan ketetapan yang dilakukan oleh BMA, joki yang melakukan kesalahan sama ada di padang lumba kuda atau ditempat lain akan dianggap sebagai satu kesalahan dan akan digantung atau dibatalkan daripada perlumbaan. Joki juga dianggap melakukan kesalahan serius sekiranya didapati mempunyai apa-apa kepentingan sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam mana-mana pertaruhan. Kesalahan ini membolehkan lesen joki tersebut digantung atau hilang kelayakan menjadi joki.⁴²

Lumba kuda sememangnya menjadi aktiviti kegemaran orang Inggeris di Tanah Melayu dan biasanya diadakan pada hujung minggu. Selain Kuala Lumpur, lumba kuda turut diadakan di Pulau Pinang, Ipoh dan Singapura. Berbanding perlumbaan di tempat lain, perlumbaan di Singapura disifatkan sebagai perlumbaan yang lebih besar dan berprestij hingga menarik kehadiran penonton yang ramai. Tarikan perlumbaan ini telah menyebabkan kakitangan kerajaan membuat permohonan “cuti-sakit” untuk mendapatkan khidmat perubatan di Singapura pada hari perlumbaan diadakan. Hal ini disebutkan oleh J.H.M. Robson yang menyebut:

*It was suprising how frequently men required “sick-leave” in order to visit a Singapore dentist just at the time there happened to be a race meeting on in Lion City. The S.S. Sapho (Capt. Wahl) and the S.S. Malacca (Capt. Daly) were the favourite passenger ships on the Singapore-Klang run.*⁴³

Lumba kuda juga menjadi minat kalangan bangsawan dan elit Melayu. Sultan Abu Bakar, Johor misalnya dikatakan sangat meminati lumba kuda dan memiliki kuda yang terbabit dalam perlumbaan. Salah seekor kuda kegemaran baginda adalah kuda Australia yang bernama Kord Harry dan terbabit dalam perlumbaan kuda di Singapura.⁴⁴ Sultan Pahang pula pernah menghubungi Sultan Deli, Sultan Amaluddin Sani Perkasa Alam Shah untuk mendapatkan dua ekor kuda lumba, iaitu kuda Deli. Tindakan ini dilakukan oleh Baginda setelah gagal mendapatkan kuda dari Australia⁴⁵ Aktiviti lumba kuda di Tanah Melayu diselenggarakan dan dikawal oleh Strait Racing Association (SRA) yang ahli-ahlinya terdiri daripada Singapore Sporting Club, Penang Turf Club, Perak Turf Club dan Selangor Turf Club.⁴⁶ SRA memainkan peranan penting dalam mengelolakan dan mengendalikan perlumbaan kuda di Tanah Melayu. Persatuan ini bertanggungjawab menyediakan peraturan perlumbaan dan mempunyai kuasa untuk melarang dan membatalkan sebarang penyertaan yang melanggar peraturan tersebut. Berdasarkan peraturan yang ditetapkan oleh SRA, kuda lumba dibahagikan kepada tujuh kelas yang berbeza dan pada 1937, terdapat sebanyak 510 ekor kuda yang terbabit dalam lumba kuda di Tanah Melayu. Jumlah kuda dan kelasnya ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Jadual 1 Tujuh Kelas Kuda.

Jenis Kelas	Jumlah
Pertama	57
Kedua	93
Ketiga	98
Keempat	94
Kelima	57
Keenam	39
Ketujuh	72
Jumlah	510

Sumber: “Over 500 Horse in Malaya”, dlm. *The Malay Mail*, 20 Nov. 1937 dipetik daripada Marzila Binti Muhamad Zakariya, *Lumba Kuda di Tanah Melayu, 1840-an hingga 1940-an*, hlm. 50.

Sekiranya SRA dilihat sebagai pertubuhan yang bertanggungjawab menganjurkan pertandingan lumba kuda, kalangan pemilik kuda lumba pula bernaung di bawah Race Horse Owners’ Association of Malaya. Persatuan ini ditubuhkan bagi melindungi hak kalangan pemilik kuda lumba di Tanah Melayu dengan ibu pejabat di Kuala Lumpur.⁴⁷ Minat yang besar dalam aktiviti lumba kuda serta kuda sebagai sistem

pengangkutan telah menjadi faktor penting yang membawa kepada kemasukan kuda ke Tanah Melayu. Jadual berikut menunjukkan jumlah kuda di negeri Selangor pada 1928, 1929 dan 1930.

Jadual 2 Jumlah kuda di Negeri Selangor berdasarkan tahun.

Daerah	1928	1929	1930	Jumlah
Kuala Lumpur	40	53	14	107
Klang	-	19	15	34
Kuala Langat	-	5	-	5
Ulu Langat	11	2	2	15
Kuala Selangor	-	-	-	-
Ulu Selangor	-	12	3	15
Jumlah	51	91	34	176

Sumber: Selangor Secretariat Files, G. 629/193

Oleh sebab kuda lumba diangkut dengan menggunakan kereta api, pihak kerajaan kemudiannya telah menetapkan kadar tambang khas kepada kuda lumba tersebut. Tambang khas ini dikenakan kepada kuda yang menggunakan kereta api sebagai sistem pengangkutan utama di laluan Alor Setar, Pulau Pinang, Taiping, Kuala Kangsar, Ipoh, Batu Gajah, Kuala Lumpur, Seremban, Johor Bharu dan Singapura. Kuda ini akan dibawa ke tempat perlumbaan dengan diletakkan di kawasan kurungan khas dalam gerabak keretapi.⁴⁸

Pendudukan Jepun di Tanah Melayu bukan sahaja membawa kesan kepada penduduk Tanah Melayu, malah mengalami kekurangan makanan serta kesukaran dalam menjalani kehidupan harian. Penduduk Tanah Melayu terpaksa mencatu makanan mereka serta menjadikan ubi, pisang dan seumpamanya sebagai makanan asasi. Tidak hanya manusia yang menerima kesan daripada kesukaran zaman Jepun ini, kuda lumba yang sebelumnya dilayan dengan sempurna tidak lagi menikmati kemudahan tersebut. Aktiviti lumba kuda menjadi lumpuh dan kuda lumba juga semakin pupus kerana kekurangan makanan serta penyakit. Pendudukan Jepun telah menghalang import makanan kuda serta ubat-ubatan yang biasanya digunakan untuk merawat kuda tersebut. Walau bagaimanapun, keadaan semakin pulih sebaik sahaja peperangan berakhir. Pentadbiran Tanah Melayu diletakkan dibawah British Military Administration (BMA), dan usaha memulihkan kembali aktiviti lumba kuda giat dilaksanakan. Kembalinya British juga membolehkan kelab lumba kuda kembali semula menjalankan aktiviti mereka.⁴⁹ Bagi memastikan aktiviti lumba kuda dapat berjalan dengan baik, BMA telah menetapkan beberapa peraturan yang perlu dipatuhi

oleh pemilik kuda. Antaranya termasuklah pergerakan kuda dari satu perlumbaan ke satu perlumbaan yang lain perlulah direkodkan. Syarat ini menetapkan tidak dibenarkan pergerakan kuda di antara tiga pusat perlumbaan yang berbeza tanpa pengetahuan dan kelulusan daripada Jawatankuasa Pusat yang dipengerusikan oleh Left. Jeneral Sir F.W. Messervy. Segala hal-ehwal perlumbaan akan direkodkan dan akan diterbitkan dalam kalender perlumbaan. Antara perkara penting lain yang turut perlu direkodkan ialah nama kuda, berat kuda, nama Joki dan perkara lain yang berkaitan dengan kuda tersebut.⁵⁰

Selain penyusunan perlumbaan, salah satu aspek penting yang turut diberikan perhatian ialah kesihatan kuda lumba tersebut. Kuda lumba akan dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan merah dan putih. Kuda yang dibenarkan berlumba akan diletakkan dalam kumpulan putih dan sebaliknya dalam kumpulan merah. Penentuan untuk meletakkan kuda dalam kumpulan ini merupakan tanggung jawab pegawai veterinar yang dilantik. Tiada kuda yang dibenarkan berlumba dalam perlumbaan kecuali kuda tersebut telah diperiksa dalam tempoh 24 jam semasa iklan perlumbaan berlangsung.⁵¹ Selain lumba kuda, terdapat juga permainan Polo yang turut digemari oleh masyarakat Eropah dan kalangan bangsawan dan keluarga diraja Melayu. Permainan ini juga diperkenalkan oleh pihak British dan telah mula dimainkan di Singapura pada 1886.⁵²

KESIMPULAN

Perbincangan dalam makalah ini menjelaskan bahawa kuda mempunyai kesignifikanan yang besar dalam masyarakat di negara ini sejak zaman tradisional lagi. Meskipun masih sukar untuk mengatakan bahawa kuda berasal dari Alam Melayu, namun kewujudan kuda dilihat telahpun ada dalam minda orang Melayu sejak awal. Dalam tradisi silam misalnya, kisah mengenai kuda dipenuhi dengan mitos sebagaimana yang dibayangkan melalui kisah kuda semberani mahupun kuda terbang. Mereka yang menunggang kuda semberani dianggap sebagai tokoh penting zaman itu seperti Raja Suran atau Jokotole. Bukti yang ada jelas menunjukkan bahawa kuda bukanlah haiwan asal di Tanah Melayu sebaliknya di bawa masuk ke Tanah Melayu oleh pedagang dari Jawa, Sumatera, Siam mahupun India. Kuda di Kelantan dikatakan dibawa masuk dari Siam sementara kuda di kawasan lain termasuk Melaka di bawa dari Jawa dan Sumatera.

Kuda juga menjadi elemen kesenian dan kebudayaan yang penting sebagaimana yang ditunjukkan melalui permainan kuda kepang, perletakan nama tempat, atau nama khas yang digunakan dalam dunia persilatan bagi memperkemas dan memperteguh kedudukan agar tidak mudah tumbang apabila diserang musuh serta

dalam pantun Melayu. Kreativiti masyarakat tempatan dalam mengadaptasi elemen yang terdapat dalam diri seekor kuda dengan budaya, kesenian dan kehidupan dapat disifatkan sebagai satu pencapaian kearifan tempatan.

Kehadiran pihak Barat telah mengubah fungsi kuda apabila kuda menjadi pilihan dalam sistem pengangkutan terutama di kawasan bandar. Kereta kuda digunakan secara meluas di Singapura, Pulau Pinang, Melaka dan Kuala Lumpur. Kuda juga kemudiannya digunakan dalam aktiviti perlumbaan. Aktiviti lumba kuda merupakan aktiviti hujung minggu dan hari cuti yang sangat digemari, bukan sahaja oleh kalangan ekspatriat tetapi juga masyarakat tempatan.

Begitulah kepentingan kuda, peranan dan hubungannya dengan masyarakat Tanah Melayu pada zaman sebelum merdeka. Perbincangan ini memperjelas ikatan kuat kuda dalam masyarakat dalam keadaan fizikal mahupun dalam bentuk pemikiran.

NOTA

- ¹ Makalah ini asalnya merupakan kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa Arekeologi, Sejarah dan Budaya anjuran Institut Alam dan Tamadun Melayu, UKM pada bulan November 2013. Penulis juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Salina Zainol, pensyarah di Jabatan Sejarah Universiti Malaya yang membaca dan memperkemas makalah ini.
- ² Marzila Muhammad Zakariya, 2012. *Lumba Kuda di Tanah Melayu 1840-an hingga 1940-an*, Projek Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.
- ³ <http://fakulti0.tripod.com/kudapadi/id1.html>, diakses pada 26 September 2013.
- ⁴ Lihat *Pertunjukan Menunggang Kuda, 18 September 1963*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, hlm. 4.
- ⁵ Marzila binti Muhamad Zakariya, 2012. *Lumba Kuda di Tanah Melayu, 1840-an hingga 1940-an*, hlm. 20.
- ⁶ Mohamed Ghouse Nasuruddin, 1990. "Dancing to Ecstasy on the Hobby Horse" dlm. Wazir Jahan Karim (ed.), *Emotions of Culture: A Malay Perspective*. Singapore: Oxford University Press, hlm. 142.
- ⁷ Lihat Francois-René Daillie, 2002. *Alam Pantun Melayu: Studies on the Malay Pantun*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 6.
- ⁸ Abdullah Munshi, diselenggarakan semula oleh T. D. Situmorong dan A. Teeuw, 1952. *Sedjarah Melayu*. Jakarta/Amsterdam: Penerbit Djambatan, hlm. 19.
- ⁹ Lihat Pieere-Yves Manguin, Oct. 1991. "The Merchant and the King: Political Myths of Southeast Asian Coastal Polities" dlm. *Indonesia*, No 52, hlm. 42.
- ¹⁰ C. C. Brown (tra.), 2010. *The Malay Annals*. Kuala Lumpur: MBRAS, hlm. 83.
- ¹¹ *Ibid.*, hlm. 131.
- ¹² *Ibid.*, hlm. 132.
- ¹³ Kassim Ahmad (peny.), *Hikayat Hang Tuah*, hlm. 133.
- ¹⁴ *Ibid.*, hlm. 136.
- ¹⁵ H.A.R Gibb (Tra.), 1983. *Ibn Batuta. Travels in Asia and Africa*. London: Darf Pub., hlm. 276.

- 16 Hamzah Hamdani (peny.), 2009. *Hikayat Abdullah*. Kuala Lumpur: PTS, hlm. 83.
- 17 <http://fakulti0.tripod.com/kudapadi/id1.html>, diakses pada 26 September 2013.
- 18 A. H. Hill (tra.), 2009. *Hikayat Abdullah*. Kuala Lumpur: MBRAS (Reprint 29), hlm. 164.
- 19 J. H. M. Robson, 2007. *Records and Recollections, 1889-1934*. Kuala Lumpur: Synergy Media, (New Edition), hlm. 29.
- 20 Isabella Bird, 2010. *The Golden Chersonese*. Singapore: Monsoonbooks, hlm. 24.
- 21 John Turnbull Thomson, 1984. *Glimpses Into Life in Malayan Lands*. Singapore: Oxford University Press, hlm. 23
- 22 *Ibid.*, hlm. 70.
- 23 *Annual Reports of the Strait Settlements*, Vol. 2: 1868-1883, hlm. 41.
- 24 John Gullick (ed.), 2007. *Selections From the Selangor Journal*. Kuala Lumpur: MBRAS, hlm. 28
- 25 Sel. Sec. 653/1913, Horse Allowance for Mr. Sinnathamby, Overseer Grade III.
- 26 John Gullick (ed.), 2007. *Selections From the Selangor Journal*. hlm. 29.
- 27 *Ibid.*, hlm. 30.
- 28 *Ibid.*, hlm. 29.
- 29 Neil Khor, Jin Keong, 2004. *The Penang Turf Club, 140 Years of Racing*. Pulau Pinang: Penang Turf Club, hlm. 15.
- 30 “Kampung Boyan, Assam Kumbang”, dlm. <http://webkampung.com/fb/node/568>. Capaian pada 7 Mac 2014. Walau bagaimanapun, adalah penting untuk melakukan kajian yang lebih mendalam mengenai hal ini dengan menggunakan sumber sejarah yang lebih autentik sifatnya. Diharapkan selepas ini terdapat kajian lain yang memberi fokus kepada aspek ini untuk melengkapkan sejarah hubungan masyarakat Boyan (Bawean) dengan aktiviti lumba kuda.
- 31 Marzila Muhammad Zakariya, 2012. *Lumba Kuda di Tanah Melayu 1840-an hingga 1940-an*, hlm. 33.
- 32 *Twentieth Century Impressions of British Malaya*, Vol. 5, hlm. 562.
- 33 Neil Khor, Jin Keong, 2004. *The Penang Turf Club, 140 Years of Racing*. hlm. 17.
- 34 *Ibid.*, hlm. 21.
- 35 “Paha Ditusuk Paku Ladam”, *Mingguan Malaysia*, 4 September 2011.
- 36 “Selangor Turf Club”, *The Malay Mail*, April 1937.
- 37 Sec. G 522/1932, Government’s Attitude re Turf Club Rules.
- 38 <http://smkj286.blogspot.com/2008/12/kalender.html>, capaian pada 1 Oktober 2013.
- 39 John Gullick (ed.), 2007. *Selections From the Selangor Journal*. hlm. 14.
- 40 J. H. M. Robson, 2007. *Records and Recollections, 1889-1934*. hlm.4.
- 41 *Ibid.*, hlm. 2.
- 42 Sel. C.A. 317/1945, Race-Horse II, Selangor Turf Club.
- 43 J. H. M. Robson, 2007. *Records and Recollections, 1889-1934*. hlm. 9.
- 44 R. O. Winstedt, 1992. *A History of Johore*. Kuala Lumpur: MBRAS No 6, hlm. 135.
- 45 *Peranan Kuda dalam Negara Malaysia pada Masa Hadapan*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, hlm. 13.
- 46 Marzila Muhammad Zakariya, 2012. *Lumba Kuda di Tanah Melayu 1840-an hingga 1940-an*, hlm. 40.
- 47 Sel. Sec 4996/1925, Exemption from Registration of “The Race Horse Owners’ Association of Malaya”.
- 48 Suk. Kedah 3331-1351, Special Rates for Race Horse from Tapah Road to Various Racing Centres.

- ⁴⁹ Sel. C.A. 317/1945, Race-Horse II, Selangor Turf Club.
⁵⁰ ADM/2114, Horse Racing in Malaya.
⁵¹ Sel. C.A. 317/1945, Race-Horse II, Selangor Turf Club.
⁵² Marzila Muhammad Zakariya, 2012. *Lumba Kuda di Tanah Melayu 1840-an hingga 1940-an* hlm. 36.

RUJUKAN

- Annual Reports of the Strait Settlements*, Vol. 2: 1868-1883, hlm. 41.
- Azharudin Mohamed Dali, 2013. "Gajah Dalam Sejarah Sosio-Ekonomi Tanah Melayu Sebelum Merdeka", dlm. Abdullah Zakaria Ghazali dan Zuliskandar Ramli (ed.), *Panji Pendeta*. Bangi: Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia dan Institut Alam dan Tamadun Melayu.
- Azharudin Mohamed Dali, 15 Mei 2013. "Buaya dalam Sejarah dan Budaya Masyarakat Alam Melayu: Dengan Tumpuan kepada Kisah Buaya Putih di Kuala Kubu". Kertas Kerja Seminar Sejarah Daerah Ulu Selangor.
- Boomgaard, Peter, March 2, 2007. "Crocodiles and Humans in Southeast Asia: Four Centuries of Co-Existence and Confrontation", Keynote address for the Symposium "Environmental Challenges Across Asia", Center for International Studies: University of Chicago.
- Bird, Isabella, 2010. *The Golden Chersonese*. Singapore: Monsoonbooks.
- Clarence-Smith, William, 2004a. "Elephants, horses, and the coming of Islam to Northern Sumatra". *Indonesia and the Malay World*, 32, 93 . pp. 271-84.
- Clarence-Smith, William, 2004b. "Horse Breeding in Mainland Southeast Asia and its Borderlands" dlm. Boomgaard, P. and Henley, D., (eds.), *Smallholders and Stockbreeders. History of Foodcrop and Livestock Farming in Southeast Asia*. KITLV Press, pp. 189-210.
- Gibb, H. A. R., 1983. *Ibn Batutah, Travels in Asia and Africa*. London: Darf Pub.
- Gullick, John, (ed.), 2007. *Selections From the Selangor Journal*. Kuala Lumpur: MBRAS.
- Hamzah Hamdani (peny.), 2009. *Hikayat Abdullah*. Kuala Lumpur: PTS.
- Hill, A. H., 2009. *Hikayat Abdullah*. Kuala Lumpur: MBRAS (Reprint 29).
- <http://azmpipasak.blogspot.com/2011/12/misteri-kubur-kuda.html> di akses pada 29 September 2013.
- <http://fakulti0.tripod.com/kudapadi/id1.html>, diakses pada 26 September 2013. "Kampung Boyan, Assam Kumbang", dlm. <http://webkampung.com/fb/node/568>. Capaian pada 7 Mac 2014.
- <http://kudakepangsm2252.blogspot.com/2010/08/sejarah-warisan-kuda-kepang.html> Sejarah Warisan Kuda Kepang~ capaian pada 28 September 2013.
- <http://smkj286.blogspot.com/2008/12/kalender.html>, capaian pada 1 Oktober 2013.
- Jasiman Ahmad dan Nora Hj Samat, 1998. *Siri Ensiklopedia Kebudayaan: Kepelbagaian Tarian*. Kuala Lumpur: Jade Green Pub.

- “Lagenda dan Perkembangan Ringkas Bukit Kuda” dlm. *Malawati. Jurnal Sejarah Selangor Darul Ehsan*. Bil. 1, 1998.
- M. Khalid Bin Haji Yusof, 1978. *Kesenian Kuda Kepang*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.
- Marzila Muhammad Zakariya, 2012. *Lumba Kuda di Tanah Melayu 1840-an hingga 1940-an*. Projek Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.
- Mohamed Ghouse Nasuruddin, 1990. “Dancing to Ecstasy on the Hobby Horse” dlm. Wazir Jahan Karim (ed.), *Emotions of Culture: A Malay Perspective*. Singapore: Oxford University Press.
- Neil Khor, Jin Keong, 2004. *The Penang Turf Club, 140 Years of Racing*. Pulau Pinang: Penang Turf Club. “Paha Ditusuk Paku Ladam”, *Mingguan Malaysia*, 4 September 2011.
- Pertunjukan Menunggang Kuda, 18 September 1963, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Robson, J.H.M., 2007. *Records and Recollections, 1889-1934*. Kuala Lumpur: Synergy Media, (New Edition).
- “Selangor Turf Club”, *The Malay Mail*, April 1937.
- Sel. Sec 4996/1925, Exemption from Registration of “The Race Horse Owners’ Association of Malaya”.
- Sel. C.A. 317/1945, Race-Horse II, Selangor Turf Club.
- Sec. G 522/1932, Government’s Attitude re Turf Club Rules.
- Sel. Sec. 653/1913, Horse Allowance for Mr. Sinnathamby, Overseer Grade III.
- Suk. Kedah 3331-1351, Special Rates for Race Horse from Tapah Road to Various Racing Centres.
- ADM/2114, Horse Racing in Malaya.
- Thomson, John Turnbull, 1984. *Glimpses Into Life in Malayan Lands*. Singapore: Oxford University Press.
- Tarian-tarian Malaysia*, 1981. Kuala Lumpur: Bahagian Kebudayaan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.
- Twentieth Century Impressions of British Malaya, Vol. 5.
- Winstedt, R. O., 1992. *A History of Johore*. Kuala Lumpur: MBRAS No 6.
- www.e-genius.com.my di akses pada 29 September 2013.
- Zakaria Ariffin, 1990. *Mengenal Budaya Bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.